



SIARAN MEDIA

KPKT WUJUDKAN 'TASKFORCE' MENCARI PENYELESAIAN TERBAIK BAGI 381 PROJEK PERUMAHAN SWASTA 'SAKIT'

KUALA LUMPUR, 30 Disember 2022 - Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan mewujudkan satu 'taskforce' untuk mencari penyelesaian 381 projek perumahan swasta yang dikategorikan sebagai 'sakit' bagi melindungi hak dan kepentingan pembeli rumah.

YB Tuan Nga Kor Ming (KM), Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan memandang serius terhadap projek-projek perumahan kategori sakit atau terbengkalai. Beliau berkata pembangunan perumahan merupakan salah satu sektor yang penting dalam menjana ekonomi negara di mana hampir 200 industri terlibat.

Justeru, KPKT berharap industri perumahan akan terus berkembang maju pada tahun 2023 dan KPKT akan melancarkan lebih banyak rumah mampu milik yang berkualiti tinggi supaya rakyat dapat memiliki rumah yang selesa dan berkualiti tinggi dengan harga yang berpatutan.

Menurut statistik KPKT, bagi merealisasikan hasrat rakyat Malaysia untuk memiliki rumah sendiri, KPKT akan membina sejumlah 83,728 rumah di bawah Rancangan Malaysia Ke-12, di mana 22,209 rumah telah siap dibina, 47,637 unit dalam pembinaan dan baki 13,882 unit akan disiapkan menjelang akhir tahun 2025.

"Bergerak ke hadapan, khususnya dalam pembinaan dan perancangan bandar, KPKT akan memberi fokus kepada Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals* - SDG) yang dikemukakan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu," kata YB KM lagi.

Di samping itu, YB KM berharap pihak swasta dapat bekerjasama secara aktif dengan

kerajaan untuk membina lebih banyak ruang hijau dan menggunakan gaya reka bentuk yang mesra alam dalam pembinaan agar mewujudkan lebih banyak perumahan yang berdaya huni dan berkonsep hijau.

Selain itu, kerajaan perpaduan turut menyokong inisiatif untuk membantu lebih ramai golongan muda memiliki rumah pertama melalui insentif pengecualian duti setem 100 peratus bagi rumah berharga RM500,000 dan ke bawah, manakala bagi rumah berharga RM500,001 hingga ke RM1 juta akan menikmati pengecualian duti setem sebanyak 50 peratus.

“Memandangkan situasi politik negara kita kembali stabil selepas Pilihan Raya Umum ke-15, pelabur-pelabur asing kembali mempunyai keyakinan terhadap kerajaan perpaduan, saya optimistik terhadap pasaran industri perumahan negara pada tahun depan.”

“Saya berharap pengusaha-pengusaha dapat meningkatkan pelaburan domestik dan kerajaan perpaduan akan bekerjasama secara aktif dengan melancarkan dasar ‘pro-perniagaan’ dan ‘pro-rakyat’. Marilah kita bekerjasama untuk memperjuangkan ekonomi negara dan menyelamatkan kehidupan rakyat.”

Bagi memantapkan lagi pembinaan perumahan awam di negara, YB KM telah menjemput Lembaga Pembangunan Perumahan Singapura (HDB) untuk berkongsi kepakaran dan berkongsi pengalaman berhubung isu perumahan.

“Saya percaya ini akan membantu meningkatkan tahap perancangan bandar di Malaysia dan bukan sahaja dapat membantu lebih ramai rakyat memiliki rumah sendiri tetapi juga mewujudkan rumah tangga bahagia dan sejahtera melalui kaedah yang inovatif.”

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

